

UUM ONLINE: Kompleks Pusat Islam Universiti Utara Malaysia (UUM) yang bernilai RM6.525,680.70 yang disiapkan pada akhir 2010 akan dirasmikan oleh Sultan Kedah di perkarangan kompleks itu pada 11 Ogos ini.

Majlis perasmian berkenaan dijalankan serentak dengan majlis berbuka puasa Peringkat Universiti, Pelancaran Perisian Pembelajaran Al-Quran dan Penyampaian Kurnia Ramadan serta Penyampaian Zakat.

Sultan Kedah telah menyatakan perkenan baginda untuk bercemar duli berangkat ke majlis tersebut semasa menerima menghadap Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak di Istana Anak Bukit, hari ini.

Dr Mohamed Mustafa berkata, majlis perasmian itu juga akan dihadiri oleh Kerabat Diraja Kedah, Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri Kedah di samping kakitangan akademik dan pentadbir serta mahasiswa universiti ini.

Beliau berkata, serentak dengan majlis itu, UUM akan menyerahkan sumbangan zakat daripada staf Universiti ini kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah berjumlah RM1,195,006.48 yang dikutip sepanjang tempoh dari Januari hingga Julai 2011.

"Tahun lalu, sumbangan zakat UUM berjumlah RM2,023,253.77 yang dikumpulkan sepanjang Januari hingga Disember 2010.

"Kita juga akan menyampaikan sumbangan kepada staf dan pelajar sebagai kurnia sempena Ramadan yang akan disampaikan sendiri oleh Tuanku Canselor," katanya.

Selain itu, katanya lagi, pihak Serindit.com dengan kerjasama Pusat Islam akan turut melancarkan Perisian Pembelajaran Al-Quran yang dibangunkan untuk membantu masyarakat Islam mempelajari Al-Quran.

"Perisian itu bukan sahaja dapat membimbing mereka membaca Al-Quran dengan lebih sempurna malah ia mudah diakses dan dimuat turun secara percuma dalam Internet," katanya.

Menurutnya, perasmian kompleks ini dilakukan selepas bangunan yang dibina bermula pada 10 November 2008 bersebelahan Masjid Sultan Badlishah disiapkan menerusi Rancangan Malaysia ke 9 (RMK9).

Antara kemudahan yang disediakan ialah pejabat pentadbiran, dewan seminar, bilik kuliah, makmal komputer dan dewan makan.

Dr Mohamed Mustafa berkata, semua warga kampus dijemput hadir bagi meraikan majlis perasmian dan berbuka puasa bersama dengan Tuanku Canselor dan kerabat diraja serta dif kenamaan yang lain.

Turut hadir dalam majlis menghadap Tuanku Canselor ialah Pendaftar, Mohamad Akhir Yusuf, Pengarah Pusat Islam, Prof Madya Dr Ismail Ishak dan Pengarah Canselori, Baharudin Yaacob.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my